

18/10/1999

Wakil rakyat tetap tunai tanggungjawab

MELAKA, Ahad - Beberapa wakil rakyat Umno yang tewas dalam persidangan perwakilan bahagian tahun lalu, akan tetap menunaikan tanggungjawab mereka kepada masyarakat walaupun kemungkinan besar tidak dicalonkan semula dalam pilihan raya umum akan datang.

Bahkan, pengumuman Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin minggu lalu untuk menggugurkan mana-mana wakil rakyat Umno yang tidak memegang sebarang jawatan dalam parti, dianggap sebagai pandangan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Belia dan Sukan Negeri, Datuk Noordin Yaani berkata, Abu Zahar mengeluarkan kenyataan itu atas sifatnya sebagai Ketua Menteri dan ketua Umno negeri.

"Apa pun, keputusan muktamad akan ditentukan oleh Perdana Menteri merangkap Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan saya akur terhadap apa juga keputusan yang dibuat," katanya kepada pemberita selepas melepaskan peserta Larian Perpaduan Menuju Alaf Baru di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Udang di sini, pagi ini.

Menurut Noordin, apa yang lebih utama sekarang ialah meneruskan khidmat bakti kepada pengundi kawasan masing-masing sehingga pilihan raya akan datang.

"Jika tidak terpilih semula pun, saya akan tetap memberi sokongan dan membantu calon BN yang bertanding bagi memastikan kemenangan majoriti satu pertiga dapat dipertahankan," katanya.

Dalam persidangan perwakilan Umno bahagian Alor Gajah tahun lalu, Noordin tewas kepada Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Sains dan Teknologi Negeri, Datuk Ibrahim Durum bagi jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian.

Pada minggu lalu, Abu Zahar berkata, kira-kira 30 peratus calon Umno dalam pilihan raya akan datang adalah muka baru dan mana-mana wakil rakyat yang tidak memegang sebarang jawatan dalam parti, akan turut digugurkan.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Hal Ehwal Agama Islam negeri, Datuk Mohd Shariff Mohd Drus, pula berkata beliau menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

(END)